

**AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM  
MENERAPKAN NILAI AKHLAK MURID BANDUAN MUDA:  
SATU TINJAUAN AWAL  
ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' TEACHING PRACTICES IN THE  
INCULCATION OF AKHLAK IN THE YOUNG PUPIL INMATES: A  
PRELIMINARY REVIEW**

Asmawati Suhid<sup>1</sup>  
Fathiyah Fakhruddin<sup>1</sup>  
Lukman Abdul Mutalib<sup>2</sup>  
Abd. Muhsin Ahmad<sup>3</sup>

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia<sup>1</sup>  
Universiti Sains Islam Malaysia<sup>2</sup>  
Universiti Malaya<sup>3</sup>

**Accepted Date:** 29 January 2018

**Published Date:** 3 April 2018

**To cite this document:** Suhid, P. M. D. A., Fakhruddin, D. F., Mutalib, P. M. D. L. A., & Ahmad, A. M. (2018). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Menerapkan Nilai Akhlak Murid Banduan Muda: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(9), 17-29.

**Abstrak**

Akhlak merupakan salah satu teras ajaran Islam dimana tanpa akhlak maka tidak sempurna keislaman seseorang individu muslim. Justeru, pendidikan akhlak manusia merupakan antara agenda utama pendidikan dalam Islam. Malah, perutusan Rasulullah SAW ke muka bumi ini antara lain bertujuan menyempurnakan akhlak mulia manusia. Penekanan kepada pendidikan akhlak jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Berdasarkan konsep Education for All atau pendidikan untuk semua, maka Pendidikan Islam turut diajarkan kepada murid banduan muda di sekolah-sekolah Integriti di Malaysia. Menerusi pendidikan yang diberikan diharapkan mereka tidak ketinggalan dalam arus pendidikan perdana dan yang utama dapat memelihara dan membentuk akhlak mereka. Walaupun murid ini dianggap sebagai bermasalah delinkuen, mereka perlu dididik dan dipupuk dengan nilai-nilai Islam dan moral agar menjadi insan yang berguna di suatu hari kelak. Untuk itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi murid terhadap penerapan nilai akhlak menerusi amalan pengajaran guru Pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid berpandangan positif tentang penerapan nilai akhlak dalam amalan pengajaran guru Pendidikan Islam. Mereka turut bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mempamerkan akhlak mulia semasa memulakan pengajaran. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji dapat membuat beberapa rumusan dan menentengahkan beberapa cadangan yang wajar.

**Katakunci:** Pendidikan Islam, Pendidikan akhlak, Murid banduan muda

### **Abstract**

*Akhlak or morality is one of the core Islamic teachings, for without morality the individual is an imperfect Islamic Muslim. Thus, human morality education is one of the main agenda in Islamic education. In fact, amongst the messages of Prophet Muhammad (PBUH) on earth, was aimed to perfect human noble morality. The emphasis on moral education is clearly enshrined in the National Education Philosophy and the Islamic Education Philosophy. Based on the concept of Education for All, Islamic Education is also taught to the young pupil inmates in the integrity schools in Malaysia. Through the education given, it is hoped they are not left behind in the main stream education and the priority is to be able to maintain and shape their moral behavior. Although these pupils are considered as problematic delinquents, they need to be educated and nurtured with Islamic and moral values so as to be useful people one day. Therefore, this study was conducted to identify the pupils' perceptions towards the inculcation of moral values through the Islamic Education teachers' teaching practices. In general, the findings showed the majority of the pupils had positive perceptions towards the inculcation of moral values in the Islamic Education teachers' teaching practices. They also agreed the Islamic Education teachers demonstrated noble moral values when they started to teach. Based on the study's findings, the researchers made several conclusions and highlighted several appropriate suggestions.*

**Keywords:** *Islamic Education, Moral Education, Young Pupil Inmates.*

---

### **Pengenalan**

Ajaran Islam merupakan *way of life* yang syumul dan menyeluruh yang mencakupi setiap aspek dan keperluan hidup manusia yang menyeimbangkan antara *duniawi* dan *ukhrawi*. Selain pemantapan aqidah dan ibadah, penanaman dan pembinaan akhlak merupakan antara agenda utama dalam bidang pendidikan umumnya dan Pendidikan Islam khususnya. Justeru, pendidikan akhlak sentiasa diberi perhatian dan ditekankan dalam Islam. Jika ditinjau dari segi maksud akhlak itu sendiri adalah agama dan maruah. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa menurut kacamata Islam akhlak adalah sebahagian daripada agama Islam (Asmawati Suhid, 2009). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Orang mukmin yang paling sempurna imannya di antara kamu ialah yang paling baik akhlaknya.

(Imam Ahmad, Juz 3, no 7406)

Abdullah al-Amin an-Na'miy (1994) turut mengulas pendapat Ibnu Khaldun tentang peranan agama dan akhlak menegaskan:

Agama bermatlamatkan ke arah pembinaan akhlak yang baik sama ada melalui perintah atau pun tegahannya. Setiap perlakuan yang terpuji merupakan yang disuruh agama dan perlakuan keji pula merupakan yang dilarang oleh agama.

Azhar Ahmad (2006) menjelaskan bahawa akhlak merupakan sendi yang mengikat perhubungan dalam sesebuah masyarakat bagi mewujudkan kestabilan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Pembinaan akhlak merupakan dasar utama dalam rangka mewujudkan kebaikan sebagai suatu yang

dominan dalam kehidupan di dunia. Dalam menentukan nilai akhlak yang harus dimiliki oleh seorang muslim, Islam menjadikan al-Quran dan hadith sebagai sumber rujukan utama (Raihan Marzuki & Pabiyah Hajimaming@Toklibok, 2017). Oleh itu, pendidikan akhlak perlu ditekankan dalam membangunkan generasi yang bakal menerajui masyarakat dan negara agar tidak berlaku kepincangan ketika mengejar kecemerlangan dalam kehidupan. Tiada gunanya andaikata manusia hanya menitikberatkan hal keduniaan semata-mata kerana matlamat akhir kehidupan muslim adalah menuju akhirat. Ini bertepatan dengan matlamat atau hasrat pendidikan dalam Islam iaitu memperoleh kecemerlangan di dunia dan akhirat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauhmanakah guru Pendidikan Islam menerapkan nilai-nilai akhlak dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) murid banduan muda di sekolah Integriti.

### **Pemantapan Akhlak Murid Menerusi Pendidikan Islam**

Guru memainkan peranan penting selepas ibubapa sebagai *role model* kepada anak-anak ketika mereka di sekolah. Ini kerana, guru sebagai *murabbi*, *muaddib* dan *mu'allim* perlu menyedari tugas dan tanggungjawab yang digalasnya sebagai amanah yang diharapkan oleh ibubapa dan masyarakat (Asmawati Suhid dan Mohd. Aderi CheNoh, 2016). *Ta'dib* merupakan salah satu unsur penting dalam pendidikan Islam. *Ta'dib* bermaksud mendidik seseorang dengan adab atau akhlak yang berteraskan akhlak Islam yang mulia. Istilah ta'dib disebutkan dalam hadith Rasulullah S.A.W. sebagaimana sabda baginda:

Allah telah mendidik aku dengan adab (sopan yang mulia), maka kerana itu baiklah adab sopanku.

(Jami' al-Ahadith, Juz 2, no. 959)

Dalam menerangkan maksud istilah di atas, imam Hafiz zaynuddin Abd. Rauf al-Manawy berkata Allah telah mengajar baginda S.A.W. bagaimana untuk menguasai jiwa dan nafsu dan menghiasi diri dengan akhlak-akhlak yang mulia (al-Manawy,1988).

Dalam Islam, proses ta'dib atau pendidikan akhlak hakikatnya bermula dengan persediaan lama sebelum anak dilahirkan ke dunia. Seterusnya setelah anak dilahirkan perlu diwujudkan suasana persekitaran yang kondusif dan pemakanan dari sumber yang halal, kemudian disusuli dengan pendidikan yang formal dan informal (Abdul Basit Muhammad Sayid, 2005). Menurut Sayidina Ali, pendidikan anak-anak melalui empat tahap, iaitu 7 tahun pertama ibubapa disuruh sering bermain dengan anak-anak, 7 tahun kedua (dari 8-14 tahun) ibu bapa mesti mula mengajar dan mendisiplinkan anak-anak, 7 tahun berikutnya (dari 15-21 tahun) anggaplah anak-anak sebagai kawan berbicara, berbincang dan sebagainya manakala tahap terakhir iaitu dari 22 tahun ke atas anggaplah mereka sebagai seorang dewasa. Peringkat yang paling penting adalah pada peringkat kedua di mana peringkat ini dikenali sebagai awal remaja. Pada peringkat ini anak-anak perlu diberikan didikan agama yang sempurna terutamanya ilmu fardu Ain serta pembinaan sahsiah diri.

Pendidikan akhlak amat diberi perhatian dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ini jelas apabila pihak kerajaan dan pemimpin negara berusaha menyedarkan masyarakat untuk kembali kepada nilai-nilai murni dan mulia. Perkara ini jelas termaktub dalam Rukun Negara (khususnya berkaitan dengan kalimah 'kepercayaan kepada Tuhan') dan cabaran keempat yang terkandung dalam Wawasan 2020, iaitu mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika sepenuhnya, yang rakyatnya kuat beragama dengan nilai kerohanian serta disemai dengan nilai etika paling tinggi. Penegasan

tentang pentingnya pendidikan moral atau akhlak kepada murid jelas dalam ucapan Ketua Pengarah Pendidikan dalam Dialog Reformasi Pendidikan Malaysia-Jepun pada 1988. Beliau menyatakan, seperti dilaporkan oleh Mustafa Kamil Ayub (1994):

Masih menjadi keperluan yang amat mendesak agar pendidikan memainkan peranannya dalam pembentukan dan pengukuhan semangat perpaduan nasional, dan menanamkan serta mengekalkan cara hidup yang berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan bersama-sama dengan keseluruhan nilai etika dan moralnya.

Terkini, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 aspek akhlak atau moral turut diberi penekanan apabila salah satu anjakan memberi fokus kepada usaha untuk melahirkan generasi yang memiliki penghayatan nilai. Salah satu pendekatan bagi melahirkan generasi yang memiliki penghayatan nilai ialah menerusi pemantapan subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Ini secara jelas menunjukkan tuntutan dan aspirasi semasa negara ke arah pemupukan nilai akhlak atau moral dalam kalangan murid.

Dalam dialog perdana yang bertemakan “TN50 Perspektif Islam mengangkat 'Aspirasi *Khaira Ummah*' yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 24 Februari 2017 turut menekankan pembangunan sahsiah diri dalam membentuk dan melahirkan *khaira ummah*. Konsep atau istilah *Khaira Ummah*, terungkap dalam ayat 110 Surah Ali Imran yang bermaksud:

*"Kamu adalah umat yang terbaik (khaira ummah) yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah."*

*Khaira ummah* mengandungi tiga elemen utama iaitu *amar makruf, nahi mungkar* dan beriman kepada Allah. Konsep ini adalah kesinambungan kepada konsep '*ummatan wasata*' atau kesederhanaan yang di tuntut dalam Islam. Justeru, untuk mencapai Agenda TN50 dalam pembangunan masyarakat yang cemerlang dan bersifat *wasatiyyah* seimbang dan kesederhanaan, maka pendidikan Islam dan moral sangat penting untuk dihayati oleh semua masyarakat tanpa mengira perbezaan agama dan bangsa.

Suatu bentuk sistem pendidikan yang menekankan pengetahuan dan nilai agama yang mampu memanusiaikan murid dan menghidupkan nilai mulia dilihat dapat menangani gejala keruntuhan akhlak yang berleluasa kini. Malah, Kementerian Pelajaran Malaysia amat mengharapkan Pendidikan Islam menerusi Adab Dan Akhlak Islam dapat memainkan peranan dalam pembentukan nilai moral atau akhlak para murid Islam, dan Pendidikan Moral kepada murid bukan Islam (Asmawati Suhid, 2006). Merujuk kepada pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan, falsafah yang bersifat seimbang, menyeluruh dan bersepadu telah digubal sebagaimana berikut:

Satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.

Berdasarkan falsafah di atas, maka telah digariskan matlamat pendidikan Islam iaitu:

Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara

(Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM,2001)

Berdasarkan pernyataan Falsafah Pendidikan Islam negara serta matlamat pendidikan Islam yang digariskan, jelas menunjukkan bahawa pendidikan akhlak murid amat ditekankan dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia secara berterusan. Nilai akhlak ialah antara nilai yang ditekankan dalam pengajaran guru. Guru menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran dengan memberi fokus kepada beberapa kaedah. Antaranya ialah kaedah perbincangan iaitu berbincang tentang nilai akhlak terpuji dan mengaitkannya dengan apa yang dilakukan murid dalam kehidupan seharian. Selain daripada itu, guru juga menunjukkan teladan akhlak yang baik dan melakukan teguran dan nasihat bagi membetulkan akhlak murid (Fathiyah, 2012).

Kesimpulannya, ternyata pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam menitikberatkan nilai akhlak bagi memantapkan akhlak murid. Ia sejajar dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia serta apa yang ditentukan dalam matlamat Pendidikan Islam itu sendiri bagi membentuk generasi yang memiliki penghayatan nilai.

### **Pendidikan Islam Di Sekolah Integriti**

Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, maka penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah s.w.t. Ini kerana kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji (Mohd. Kamal Hassan, 1987). Maka jelas di sini, peranan agama dan aspek rohani perlu ditekankan dalam apa jua bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak berteraskan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi (Asmawati Suhid, 2005).

Berkaitan statistik gejala moral dan jenayah yang melibatkan remaja atau murid sekolah rendah dan menengah akhir-akhir ini amat membimbangkan. Fenomena gejala sosial merupakan salah satu ancaman kepada sumber tenaga manusia yang bolrh merugikan negara dalam jangka masa panjang (Zainudin Sharif & Norazman Mohamad Roslan, 2011). Pada tahun 2008, Bukit Aman melaporkan bahawa sebanyak 5115 kes juvana telah difailkan. Manakala statistik kontenjen polis Melaka menunjukkan peningkatan sebanyak 67% dengan peratusan besar kes adalah jenayah kekerasan iaitu kes rogol, samun berkawan tanpa senjata api dan mendatangkan cedera. Statistik juga menunjukkan murid terlibat dengan kes kecurian motosikal, ragut disamping kes dadah dan buli. Nisbah jenayah juvana berbanding murid ialah 1.5:1000 orang murid (Utusan Malaysia 2.8.2008). Dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2016 untuk siaran akhbar menyatakan bahawa pesalah juvana yang melakukan kesalahan kali pertama pada tahun 2015 sejumlah 4,152 kanak-kanak. Manakala pesalah juvana pada tahun yang sama iaitu

2015 yang melakukan kesalahan secara berulang ialah seramai 417 orang (Statistik Kanak-kanak Malaysia, 2016). Selain itu, kes seorang penagih dadah berusia 13 tahun ditahan dalam satu operasi pada September 2017 mencatatkan ia merupakan rekod penagih dadah paling muda ditahan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Sementara itu, kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah melibatkan enam suspek berusia bawah 18 tahun dan seorang yang baharu berusia 11 tahun. Enam suspek ternyata didapati positif dadah jenis ganja manakala dua orang suspek mempunyai rekod jenayah lampau (Roos Niza Mohd Sharif, 2017).

Dalam satu kajian yang di jalankan oleh Malaysian Institute For Research In Youth Development dan centre of Education For Psychology And Development Malaysia mendapati bahawa 87% daripada 'Mat Rempit' adalah terdiri dari mereka yang berusia antara 14 hingga 25 tahun. Kajian itu juga menunjukkan 48.1% daripada mereka terlibat dengan gejala rempit kerana merasa bosan, 38% semata-mata untuk mengisi masa lapang, manakala 27% akibat pengaruh rakan sebaya.

Menurut Syuhada Choo Abdullah menerusi Fadzlunesa bt Isa (2011), kajian terkini yang di laksanakan oleh Universiti Putra Malaysia mendedahkan lebih 300 remaja Melayu di bandar dan luar bandar terlibat dengan salah laku seksual dan gejala seks bebas. Perkara yang mengejutkan ialah ia bukan berpunca dari kepincangan institusi keluarga tetapi akibat dari pengaruh rakan sebaya. Sebahagian besar mereka juga mengakui menerima pendidikan agama yang mencukupi.

Berdasarkan fenomena dan statistik yang dipaparkan ternyata permasalahan juvana semakin membimbangkan banyak pihak. Apa yang lebih membimbangkan ialah mereka merupakan pewaris atau penentu kepada kepimpinan negara masa hadapan di mana lebih 50% pengundi berdaftar adalah daripada kalangan generasi Y. Tidak sepatutnya berlaku tuduh menuduh dan menuding jari kepada mana-mana pihak. Setiap individu bertanggung jawab memainkan peranan yang sewajarnya mengikut kemampuan setiap individu. Sebagaimana firman Allah S.W.T. menyatakan yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan kepada kamu sedang kamu mengetahui.*

(Surah al-Anfal 8:27)

Sekolah Integriti merupakan sinar baharu bagi pesalah juvana atau banduan muda. Ia ditubuhkan pada April 2008 secara kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Sekolah Integriti ini beroperasi di enam buah penjara mengikut zon, iaitu Sekolah Integriti Kluang di Penjara Kluang Johor (Zon Selatan), Sekolah Integriti Kajang di Penjara Kajang Selangor (zon Tengah), Sekolah Integriti Marang di Penjara Marang Terengganu (Zon Timur), Sekolah Integriti Sungai petani di Penjara Sungai Petani (zon Utara), Sekolah Integriti Puncak Borneo di Penjara Kuching Sarawak (zon Sarawak) dan Sekolah Integriti Kota Kinabalu di Penjara Kota Kinabalu Sabah (Zon Sabah). Kesemua sekolah ini telah didaftarkan sebagai sekolah kerajaan pada Januari 2011 dan menjalankan aktiviti sepertimana sekolah kawalan penuh Kementerian Pelajaran Malaysia serta membenarkan setiap murid yang berdaftar di sekolah ini menduduki peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain enam buah sekolah terbabit, calon di sekolah Henry Gurney Telok Mas dan Sekolah Henry Gurney Keningau turut di daftarkan sebagai calon sekolah.

Sekolah-sekolah yang terlibat pada dasarnya menggunakan kurikulum dan sukatan pelajaran serta guru yang sama sebagaimana ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan turut menawarkan kelas-kelas PMR, SPM di samping kelas-kelas pemulihan seperti kelas 3M (membaca, menulis dan mengira), persediaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan persediaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kebanyakan calon di sekolah Integriti adalah mereka yang berumur antara 14 hingga 21 tahun. Latar belakang kesalahan mereka meliputi pelbagai kes dan kesalahan termasuk kesalahan berat seperti bunuh, rogol, curi, dan samun. Pencapaian akademik majoriti mereka adalah kurang baik. Justeru, kelas 3M juga di sediakan. Dari sudut latar belakang keluarga pula kebanyakan mereka datang dari keluarga yang bermasalah seperti kedua ibu bapa bercerai, berkahwin dua dalam kedudukan ekonomi yang tidak mampu, kehilangan ayah atau ibu dengan sebab kematian, lari atau sebagainya dan mempunyai taraf hidup yang rendah.

Peranan guru pendidikan Islam di sekolah integriti adalah mencabar. Ini kerana Pendidikan Islam tidak sekadar menyampaikan maklumat dan pelajaran kepada murid, sebaliknya ia perlu kepada aspek penghayatan dan amalan. Tambahan pula dalam konteks murid berlatar belakangkan pelbagai masalah dan berbeza karakter. Di samping itu juga pengajaran terpaksa dilakukan secara umum (kepada seluruh kelas) dan bukan kepada individu kerana bilangan calon yang ramai di samping kekurangan guru.

### **Permasalahan Kajian**

Pendidikan akhlak amat dipentingkan dalam Islam kerana jatuh bangunnya tamadun sesuatu bangsa itu bergantung kepada akhlak manusia. Hal ini boleh dilihat menerusi perjalanan sejarah perkembangan pendidikan Islam sejak zaman para sahabat hingga kini. Justeru, sistem pendidikan di Malaysia turut menitikberatkan pendidikan akhlak dan moral dalam penggubalan kurikulumnya memandangkan penglibatan murid atau remaja dalam masalah dan gejala sosial seperti tiada kesudahannya. Masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai tingkah laku negatif di dalam anggota masyarakat yang tidak memberikan faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat, komuniti ataupun negara (Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, 2011).

Menurut Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, kegiatan jenayah dalam kalangan kanak-kanak dan pelajar kini dilihat membimbangkan berikutan mereka mula terjebak dengan kumpulan gangster. Laporan statistik menunjukkan peningkatan kegiatan jenayah dari tahun ke tahun dan beliau meminta pengetua sekolah bekerjasama dan tidak bimbang untuk mendedahkan perlakuan jenayah di sekolah mereka agar tindakan penguatkuasaan dapat diambil (Sinar Online, 29 Mac 2014).

Sekolah-sekolah Integriti ditubuhkan bagi menempatkan banduan muda yang terdiri daripada murid atau remaja yang terlibat dengan gejala sosial dan jenayah. Dengan adanya sekolah ini maka diharapkan murid banduan muda tidak ketinggalan untuk mengikuti sistem pendidikan arus perdana terutamanya untuk membentuk akhlak murid demi masa depan mereka. Justeru, kajian ini

dijalankan untuk meninjau persepsi murid banduan muda terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam (PI) terutamanya dalam menerapkan nilai akhlak.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi murid banduan muda di Sekolah Integriti terhadap amalan penerapan nilai akhlak guru PI dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) mereka.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dan menggunakan pendekatan kuantitatif. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal tentang persepsi murid di Sekolah Integriti terhadap penerapan nilai akhlak guru PI dalam pengajaran dan pemudahcaraan.

Untuk mendapatkan sampel murid bagi kajian ini, penyelidik menggunakan teknik persampelan rawak berkelompok. Sebanyak 33 orang murid daripada salah sebuah Sekolah Integriti telah dipilih secara rawak untuk terlibat dalam kajian ini. Mereka telah menjawab dengan lengkap borang soal selidik yang diedarkan. Hague, et al. (1993) mencadangkan sampel melebihi 30 dan kurang daripada 500 adalah bertepatan dalam kebanyakan penyelidikan.

Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, penyelidik menggunakan soal selidik yang telah dibina oleh penyelidik sendiri dan telah ditentusahkan oleh dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam. Soal selidik tersebut mengandungi empat bahagian. Bahagian A untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden kajian. Manakala Bahagian B pula terdiri daripada lima item untuk meninjau persepsi murid tentang penerapan nilai akhlak guru semasa peringkat permulaan pengajaran. Bahagian C terdiri daripada 33 item untuk mengenal pasti persepsi murid tentang penerapan nilai akhlak guru semasa peringkat pelaksanaan pengajaran. Bahagian D pula terdiri daripada enam item untuk mendapatkan maklumat tentang penerapan nilai akhlak guru semasa menutup sesi PdPC. Untuk menentukan tahap kebolehpercayaan pula, kajian rintis telah dijalankan. Secara purata nilai pekali kebolehpercayaan instrumen adalah 0.938. Manakala didapati secara keseluruhannya nilai alpha setiap item dalam soal selidik melebihi .90. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan mengaplikasi kaedah statistik bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan menggunakan perisian SPSS.

### **Dapatan Kajian**

Seramai 33 orang murid Islam telah terlibat dalam kajian awal ini. Mereka merupakan murid di salah sebuah Sekolah Integriti yang berumur antara 15-17 tahun. Bilangan yang terlibat agak terhad kerana kebanyakan murid terlibat dalam aktiviti sekolah. Namun, pelaksanaan kajian dapat dijalankan dengan baik dan lancar atas bantuan pegawai penjara. Murid juga telah menjawab soalan dalam soal selidik secara berdisiplin. Sebelum murid menjawab soal selidik, pengkaji telah memberi penerangan tentang tujuan kajian dan kandungan soal selidik bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan kesamaran. Murid selesai menjawab soal selidik dalam tempoh 20-30 minit.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid berpandangan positif tentang amalan pengajaran guru Pendidikan Islam (PI) ketika memulakan pengajaran (Jadual 1). Mereka bersetuju bahawa guru PI mengamalkan tingkahlaku yang berkaitan dengan akhlak mulia semasa memulakan pengajaran. Ini jelas terbukti berdasarkan skor min yang diperolehi rata-rata



melebihi 4.0 pada skala 5.0. Min tertinggi ialah berkaitan “guru mempamerkan sahsiah yang terpuji (min= 4.67, SP= .595), diikuti dengan “guru memulakan pengajaran dengan bacaan doa” (min=4.52, SP=.667).

**Jadual 1: Penerapan Nilai Akhlak Guru ketika Memulakan Pengajaran**

Bil	Penyataan	Min	SP
1.	Guru memulakan pengajaran dengan bacaan doa.	4.52	.667
2.	Guru menerapkan nilai akhlak sebelum memulakan pengajaran.	4.03	.684
3.	Guru berpesan agar mengamalkan nilai akhlak sebelum memulakan pengajaran.	4.24	.614
4.	Guru mempamerkan sahsiah yang terpuji (cth: bersih, kemas, sopan ketika bercakap)	4.67	.595
5.	Guru bertanya keadaan murid.	4.24	.663

Begitu juga, di peringkat perkembangan pengajaran guru (Jadual 2), murid memberikan tahap persetujuan yang tinggi (min melebihi 4.0). Ini menunjukkan bahawa guru PI sentiasa memupuk, mengingatkan dan mendidik akhlak mulia dalam diri murid ketika mengajar. Sebagai contohnya, “menekankan adab dengan ibubapa” (min=4.85, SP=.364), “berbakti kepada ibubapa” (min=4.82, SP=.392) “mengingatkan agar menjaga adab ketika solat” (min=4.64, SP=.699),”menekankan adab dengan keluarga” (min=4.55, SP=.617), “sentiasa menghormati sunnah Rasulullah SAW” (min=4.52, SP=.566), dan “sentiasa menggalakkan saya buat kebaikan” (min=4.52, SP=.508).

**Jadual 2: Penerapan Nilai Akhlak Guru ketika Menyampaikan Pengajaran**

Bil	Penyataan	Min	SP
1.	Sentiasa mengingatkan tentang penjagaan fitrah lelaki dan perempuan.	3.94	.827
2.	Menekankan adab berkawan dalam pergaulan.	3.91	.914
3.	Memberi teguran yang baik sekiranya murid melakukan kesalahan.	4.48	.619
4.	Sentiasa menyelitkan kata-kata nasihat.	4.36	.549
5.	Sentiasa mengingatkan supaya menjaga diri dan maruah.	4.33	.854
6.	Sentiasa mendengar pandangan murid.	4.18	.635
7.	Memberi peluang saya memberikan pandangan.	4.15	.619
8.	Memberi perhatian kepada murid-murid yang tidak fokus ketika pengajaran.	4.12	.960
9.	Sentiasa menggalakkan saya berbuat kebaikan.	4.52	.508
10.	Sentiasa mengingatkan saya agar tidak membuat kejahatan.	4.67	.540
11.	Berpesan agar sentiasa menjaga kemudahan awam.	3.94	.899

12.	Mengingatkan agar menjaga adab ketika membaca al-Quran.	4.45	.754
13.	Mengingatkan agar menjaga adab ketika di surau/masjid.	4.48	.712
14.	Mengingatkan agar menjaga adab ketika berdoa.	4.27	.761
15.	Mengingatkan agar menjaga adab ketika solat.	4.64	.699
16.	Menekankan adab dengan ibubapa.	4.85	.364
17.	Menekankan adab dengan keluarga.	4.55	.617
18.	Berpesan agar berbakti kepada ibu bapa.	4.82	.392
19.	Mengingatkan agar sentiasa beradab terhadap guru.	4.48	.834
20.	Mengingatkan adab ketika berzikir.	4.30	.684
21.	Mengingatkan agar sentiasa menghormati sunnah Rasulullah SAW.	4.52	.566
22.	Mengajar Akidah dengan menyelitikan nilai-nilai akhlak.	4.12	.600
23.	Mengajar Ibadah dengan menyelitikan nilai-nilai akhlak.	4.24	.614
24.	Mengajar Adab dan Akhlak Islam dengan menyelitikan nilai-nilai akhlak.	4.33	.595
25.	Mengajar Tamadun Islam dengan menyelitikan nilai-nilai akhlak.	4.27	.574
26.	Mengajar Sirah Nabawiyah dengan menyelitikan nilai-nilai akhlak.	4.15	.795
27.	Mengajar Tilawah al-Quran dengan menyelitikan nilai-nilai akhlak.	4.30	.810
28.	Memberi contoh berkaitan dengan realiti kehidupan.	4.15	.755
29.	Berusaha membentuk akhlak dengan bercerita tentang kisah-kisah rasul dan kisah teladan.	4.24	.751
30.	Mengajar menggunakan bahasa yang mudah difahami.	4.45	.617
31.	Berusaha memastikan pengajarannya memberi kesan dalam diri saya.	4.09	.914
32.	Berusaha menyedarkan kesilapan yang saya lakukan.	4.42	.561
33.	Berusaha memberi keinsafan kepada diri saya.	4.42	.708

Bagaimanapun, didapati murid agak kurang bersetuju terhadap aspek yang berkaitan dengan program atau aktiviti yang melibatkan pihak luar dan ibubapa yang dilaksanakan di sekolah. Item-item tersebut ialah “guru berusaha menjalankan program usrah di luar waktu persekolahan” (min=3.39, SP=.998), “mengadakan program perkhemahan yang melibatkan pihak luar yang memberi pengisian akhlak kepada murid” (min=3.15, SP=1.523), “mengadakan program bersama-sama ibu bapa murid bagi meningkatkan pencapaian akademik murid” (min= 3.39, SP=1.560), dan “mengadakan program melibatkan ibu bapa murid bagi meningkatkan akhlak murid” (min= 3.33, SP=1.575). Maka aspek ini mungkin perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah agar murid dapat faedah daripada program tersebut.

Bagi peringkat penutup pengajaran pula (Jadual 3), didapati murid juga berpandangan positif tentang amalan guru PI. Cuma terdapat dua amalan yang murid didapati kurang bersetuju tetapi tidaklah begitu serius iaitu “guru menutup pengajaran dengan membaca surah al-Asr” (min= 3.85, SP=1.228) dan “guru menutup pengajaran dengan mengingatkan murid agar melaksanakan ibadah solat” (min= 3.88, SP=.795). Bagaimanapun, perkara ini perlu diberi perhatian oleh guru bagi membiasakan murid mengamalkan perbuatan sunat dan tidak lalai mengerjakan solat wajib dalam kehidupan seharian mereka.

**Jadual 3: Penerapan Nilai Akhlak Guru ketika Menutup Pengajaran**

Bil	Penyataan	Min	SP
1.	Guru menutup pengajaran dengan membaca surah al-Asr.	3.83	1.228
2.	Guru menutup pengajaran dengan membaca doa.	3.88	1.244
3.	Guru berpesan agar mengamalkan nilai akhlak dalam kehidupan.	4.30	.529
4.	Guru mengingatkan pentingnya mengamalkan nilai akhlak dalam kehidupan.	4.18	.528
5.	Guru mengingatkan agar melaksanakan ibadah solat.	4.48	.795
6.	Guru sentiasa memberi motivasi kepada murid agar terus mengamalkan ajaran Islam	4.33	.854

Secara keseluruhannya murid berpandangan positif dan bersetuju bahawa rata-rata guru PI menerapkan nilai akhlak dalam proses PdPC. Mereka juga bersetuju bahawa guru PI sentiasa mengingatkan mereka tentang kepentingan berakhlak dan mengamalkan nilai akhlak Islam dalam kehidupan. Namun, perkara yang dirasakan amat penting dan perlu diberi perhatian berdasarkan penemuan kajian ialah, didapati majoriti murid (75.8%) belum khatam al-Quran. Para guru dan pihak sekolah perlu memikirkan mekanisma dan kaedah terbaik bagi menangani masalah ini agar murid tidak ketinggalan dalam tilawah al-Quran.

### **Perbincangan Dan Cadangan**

Berdasarkan dapatan kajian di atas, jelas menunjukkan bahawa murid-murid di sekolah Integriti mempunyai persepsi yang begitu positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini termasuklah cara atau kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam, amalan guru PI dalam menerap dan mendidik nilai akhlak murid. Rata-rata mereka bersetuju tentang tindakan dan amalan guru PI khususnya dalam menerapkan nilai akhlak ketika proses PdPC. Usaha guru PI ini haruslah diberi pujian kerana mereka bukan sahaja bertindak sebagai *mu'allim* malah sebagai *murabbi* dan *muaddib*. Justeru, diharapkan agar usaha guru PI juga dapat memperbaiki dan memantapkan akhlak murid. Ini kerana, guru adalah unsur penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan. Keperibadian dan amalan pengajaran guru mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar (Siti Rashidah Abdul Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016).

Di samping itu, sememangnya penanaman akhlak yang baik antara fokus dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Tanpa memberi fokus kepada penanaman nilai akhlak, jati diri murid muslim tidak dapat dibentuk (Abdul hafiz, Zakaria, Ahmad Munawar, 2012). Jati diri murid sangat penting kerana ia berfungsi sebagai benteng untuk tidak melakukan perkara yang tidak baik termasuk mengulangi perbuatan buruk yang telah dilakukan sebelum ini.

Dapatan ini memberikan gambaran dan impak yang amat jelas tentang realiti penerimaan murid di sekolah Integriti terhadap pengajaran Pendidikan Islam. Situasi ini perlu dilihat sebagai suatu yang positif dimana para guru mempunyai ruang dan peluang untuk mendidik dan membentuk murid walaupun mereka berada dalam penjara. Sokongan pelbagai pihak dan usaha memantapkan pengajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Islam perlu sentiasa dipantau dan dipertingkatkan lebih-lebih lagi program dan aktiviti ko-kurikulum. Ini penting bagi memastikan mereka turut mengalami proses pendidikan serupa dengan arus perdana khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Segala kemudahan dan prasarana yang selesa dan kondusif perlu disediakan agar murid berasa seronok dan bersemangat mempelajari Pendidikan Islam. Mereka hendaklah diberi lebih perhatian agar tidak terus lalai dan mengabaikan ajaran dan tuntutan Islam. Diharapkan apabila mereka mempunyai kekuatan iman dan nilai akhlak mulia dapat melahirkan modal insan yang seimbang dan berkualiti untuk memajukan ummah dan negara yang terbilang. Begitu juga, untuk memelihara kehidupan yang harmoni, penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah SWT (Asmawati Suhid, 2005).

Selain itu, pihak sekolah Integriti hendaklah memikirkan mekanisma yang lebih efektif dan efisien untuk mengadakan aktiviti atau program bercorak keislaman dan akademik yang melibatkan pihak ibu bapa dan pihak luar. Aktiviti dan program tersebut hendaklah bersesuaian dengan era masakini namun tidak mengengapikan syariat islam. Ini penting supaya murid terdedah kepada suasana yang berbeza dan dapat berkomunikasi dengan pihak lain secara terkawal. Ibubapa juga dapat melihat sendiri aktiviti anak-anak mereka dan memberi sokongan demi kejayaan anak mereka.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa usaha memberikan Pendidikan Islam kepada murid di sekolah Integriti hendaklah diteruskan malah perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Murid-murid di sekolah ini boleh dibimbing kerana mereka boleh berubah sekiranya pendekatan yang digunakan sesuai dan meninggalkan dalam diri mereka. Tanpa kekuatan iman dan taat kepada suruhan Allah SWT maka usaha mendidik dan memulihkan akhlak murid tidak akan berjaya. Amatlah rugi seandainya generasi muslim tidak dibekalkan dengan ilmu Islam yang mantap dan didikan akhlak yang sempurna berteraskan akhlak Islam. Mereka merupakan bakal pemimpin yang akan menerajui masa depan ummah dan negara yang harmoni dan cemerlang di dunia dan akhirat.

### **Rujukan**

- Abdul Basit Muhammad Sayid (2005) *al-Manhaj al-Nabawwy Fi Tarbiyah al-Tifly*. Cairo: Maktabah Alfa.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri Melayu Muslim menerusi Pendidikan Islam dalam pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 22-35.

- Abdullah Al-Amin Al-Na'miy (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Manawy, al-Hafiz Zaynuddin Abd al-Ra'uf (1988) *al-Taysir Bi Syarh al-Jami' al-Saghir*. Riyadh: Dar al-Nasyr.
- Asmawati Suhid dan Mohd. Aderi Che Noh (2016). *Transformasi kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan*. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference of Islamic Education 2016, di Kuching Sarawak pada 7-7 Oktober 2016.
- Asmawati Suhid (2005). *Pendidikan akhlak dan adab Islam: Konsep dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Asmawati Suhid (2005). Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.6, Disember 2005, hal. 95-103
- Asmawati Suhid (2006). Kerelevanan Pendidikan Nilai dan Agama Dalam Pembentukan Masyarakat Madani. *Jurnal Pendidikan Islam*, 11, 2, Mac 2005, hal. 69-82.
- Azhar Ahmad (2006). Strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak murid sekolah menengah di Sarawak. Tesis doktor falsafah, universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fadzlunesa bt Isa (2011). Pola Sahsiah Diri Dan Faktor Yang Mempengaruhinya Dalam Kalangan Penghuni Perempuan Sekolah Henry Gurney Teluk Mas Melaka. (Tesis Master Pendidikan, UTM)
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). *Peranan dan cabaran guru dalam pengajaran Pendidikan Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hague, P. & Harris, P.(1993). *Sampling and statistics*. London: Kogan Page Limited.
- Imam Ahmad ibnu Hanbal (1995). *Al-Musnad*. Juz 3. Kaherah: Darul Fikr
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). Huraian Sukatan Muridan Pendidikan Islam KBSM.
- Jalal al-Din al-Sayuty (t.t) *Jami' al-Ahadith* (T.Tpt)
- Mohd. Kamal Hasan (1987). Peranan akhlak dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*. Bil. 8: 3
- Mustaffa Kamil Ayub (1994). *Menangani cabaran membina kecemerlangan tamadun ummah*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Raihan Marzuki dan Pabiyah Hajimaming@Toklibok (2017). Elemen pembinaan akhlak al-Imam al-Ghazali menerusi karya klasik Kalilah Wa Dimnah. *Malaysia Journal for Islamic Studies, Jilid 1, 2017*.
- Roos Niza Mohd Sharif. (2017, 21 Oktober). Implikasi jenayah di bawah umur. *Utusan Online*. Diakses di [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).
- Siti Rashidah Abdul Razak, Haslina Hamzah dan Zetty Nurzuliana Rashed (2016). Cabaran guru Pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 3, 100-110, 2016*.
- Statistik Kanak-kanak Malaysia (2016, 15 Disember). Akses di <https://www.dosm.gov.my>.
- Zainudin Sharif dan Norazman Mohamad Roslan (2011). *Journal of Education & Counseling, Volume 1, 115-140*.